



KBS : 44/2025

YB MENTERI BELIA DAN SUKAN MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE PUSPEN KOTA BHARU

3 JULAI 2025

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** diiringi **YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan** hadir mengadakan lawatan kerja ke **Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Kota Bharu, Kelantan**, hari ini.
2. **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** komited memberikan **tumpuan kepada kesejahteraan belia** seterusnya melaksanakan **inisiatif intervensi** bagi menangani isu sosial dalam kalangan belia terutamanya melibatkan **penyalahgunaan dadah dan bahan** menerusi kerjasama strategik bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).
3. Susulan daripada **Lawatan Kerja YB Menteri Belia dan Sukan ke PUSPEN Dengkil pada 28 April 2025** dan **Sesi Perbincangan YB Menteri Belia dan Sukan bersama AADK pada 16 Mei 2025 di Menara KBS, Putrajaya**, lawatan ini juga diadakan bagi mencapai objektif seperti berikut:
 - 3.1 Memperkukuhkan **kerjasama strategik** dengan AADK bersama menangani isu penyalahgunaan dadah dan bahan di bawah inisiatif **Belia Bebas Dadah** yang telah dilancarkan pada **21 April 2025**;
 - 3.2 Meninjau dan mendapatkan **pengetahuan berkenaan pengoperasian PUSPEN Sungai Besi** khususnya kepada klien dalam kalangan belia yang ingin **mendapatkan rawatan secara sukarela**;

- 3.3 Mengenal pasti **ruang dan peluang kerjasama** di antara KBS termasuklah agensi di bawahnya dan AADK menerusi penganjuran program dan kempen advokasi termasuklah di bawah inisiatif Rakan Muda; dan
- 3.4 Memberikan **sokongan moral** termasuklah interaksi secara terus bersama klien seterusnya menyokong proses rawatan dan pemulihan.
4. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan AADK, seramai **117,478 individu** yang berumur **15 hingga 39 tahun** terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan bagi **tahun 2024** yang mana **negeri Kelantan** merupakan antara negeri yang mencatatkan kadar penyalahguna dan penagih tertinggi.
5. Sehubungan itu, KBS menyeru mana-mana individu terutamanya belia yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan **mendapatkan rawatan** di institusi AADK. Bagi PUSPEN Kota Bharu, ia menyediakan perkhidmatan **merawat dan memulih individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan secara percuma dan sukarela (tidak melibatkan implikasi undang-undang)** khusus untuk individu lelaki yang berusia **13 hingga 25 tahun**. Maklumat terperinci perkhidmatan di **PUSPEN Kota Bharu** seperti di **LAMPIRAN A**.
6. Lawatan ini juga mencerminkan keprihatinan **kerajaan MADANI** dalam memastikan kesejahteraan belia diberikan keutamaan dan perhatian seiring dengan **nilai-nilai MADANI iaitu kesejahteraan, keyakinan dan ihsan** serta aspirasi yang terkandung di dalam **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)**.
7. Selain itu, KBS turut mengumumkan penubuhan **Skwad SATRIA Rakan Muda – AADK** yang berperanan melaksanakan pelbagai aktiviti kesukarelawanan berfokus kepada program advokasi pencegahan dadah. Skwad ini akan disertai oleh sukarelawan belia yang diselaraskan menerusi **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dengan kerjasama AADK**. Pelaksanaan program **Rakan Muda** melibatkan kepelbagaian gaya hidup juga akan turut diperluaskan di institusi di bawah AADK di seluruh negara termasuklah di PUSPEN.

8. Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai lawatan ini, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat (UKK) KBS di talian **03-8871 3100** atau e-mel ukk@kbs.gov.my. Bagi aduan, pertanyaan dan khidmat nasihat/ kaunseling berkaitan permasalahan dadah, AADK boleh dihubungi menerusi **talian bebas tol 1-800-22-2235** atau *whatsapp* **019-626 2233**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**





- ☎ 09-771 7375
- 📍 Puspén Kota Bharu
- ✉ Pengarah_kotabharu@aadk.gov.my

HEBAHAN UMUM

KAMI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN UNTUK MERAWAT DAN MEMULIH INDIVIDU YANG TERLIBAT DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH DAN BAHAN SECARA **PERCUMA**

Adakah anak anda / saudara mara anda ada terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah / penyalahgunaan bahan seperti :-

- Pil Kuda
- Syabu
- Ganja
- Heroin
- Morfin
- Ubat Batuk
- Ketum
- Ganja
- Mushroom
- Pil - Pil Khayal

Kelayakan :

- Kemasukan Adalah Secara Sukarela (Tidak Melibatkan Perundangan)
- Lelaki SAHAJA
- Berumur 13 Tahun Hingga 25 Tahun
- Tiada Penyakit Kronik
- Tiada Pengawasan Aadk / Polis
- Tiada Kes Jamin Aadk / Polis



SCAN ME



GELANGGANG FUTSAL



DEWAN



BLOK PENTADBIRAN

KEMUDAHAN FASILITI YANG DISEDIAKAN :

- 4 BLOK ASRAMA LELAKI
- DEWAN LAWATAN KELUARGA
- GELANGGANG SEPAKTAKRAW BOLA TAMPAR/PATANQUE
- MINI GYM
- BILIK TERAPI MUZIK/INDOOR GAME
- MINI LIBRARY
- SURAU

JANGAN DUK PENING KEPALA "RAWATLAH ANAK ANDA SEBELUM TERLAMBAT"

- Sila hubungi kami untuk mendapatkan khidmat nasihat atau hadir melalui temujanji.
- Waktu operasi : 8.00 AM - 5.00 PM (Setiap Hari Bekerja)

PERKHIDMATAN KAMI :

- Bimbingan & Kaunseling
- Sokongan Sosial
- Psikopendidikan
- Psikospiritual
- Rawatan Perubatan & Pendidikan Kesihatan
- Latihan Kemahiran & Vokasional
- Sukan & Rekreasi

KEPULIHAN ANDA BERMULA DISINI